

19/05/1999

Cuepacs rayu PM selaras gaji 5 agensi

KUALA LUMPUR, Selasa - Kesatuan Sekerja Bagi Perkhidmatan Awam (Cuepacs) meminta kerajaan menyelesaikan tuntutan gaji anggota lima agensi yang diasingkan yang sudah tertunggak sejak 1997.

Agensi itu ialah Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan berkata pihaknya mengadakan mesyuarat dengan semua wakil agensi terbabit semalam dan membuat keputusan akan menghantar surat rayuan khas kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

"Pada mesyuarat itu, Cuepacs menerima maklum balas bahawa tuntutan berkenaan sepatutnya selesai beberapa bulan lalu iaitu sebaik saja laporan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dikemukakan kepada Kabinet," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kenaikan gaji kakitangan awam dibekukan sejak dua tahun lalu berikutan kegawatan ekonomi.

(END)